

13/11/1999

Pengerusi Umno negeri sepakat

Zulkofli Jamaludin; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Semua pengerusi perhubungan negeri bermuafakat siapa yang dinamakan sebagai calon mesti diberi sokongan, manakala yang berhenti pula membantu orang yang dicalonkan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semua ketua perhubungan bersetuju bahawa tiada sesiapa pun akan menimbulkan masalah berhubung calon yang ditetapkan untuk bertanding dan diberhentikan.

"Ini kerana ketika dia dicalonkan dulu, orang bekerja untuk dia. Hari ini tiba masa dia pula membantu memenangkan mereka yang dicalonkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan rumah pangsa kos rendah Sri Penara di Bandar Sri Permaisuri, di sini hari ini.

Abdullah berkata, jentera Barisan Nasional (BN) sudah melalui sembilan pilihan raya dan sentiasa bersedia untuk mengulangi kemenangan Parlimen lebih dua pertiga.

Mengenai laporan berhubung beberapa menteri, timbalan menteri dan menteri besar dijangka digugurkan, Abdullah berkata: "Yang berbentuk spekulasi saya tidak boleh cakap, saya tidak patut ulas. Sekarang ini ia (senarai calon) masih spekulasi."

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, kerajaan sedia mendengar cadangan Cuepacs supaya hari pembuangan undi bagi pilihan raya umum ke-10 pada 29 November ini dijadikan hari cuti untuk sektor awam.

"Pandangan Cuepacs itu satu cadangan dan kita akan beri perhatian. Saya tidak boleh membuat keputusan... kita dengar kerana mungkin ada lagi persatuan yang menyuarakan pandangan sama," katanya.

Bername hari ini melaporkan Cuepacs akan mengemukakan rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memudahkan kakitangan awam keluar mengundi khususnya yang akan mengundi di luar daerah atau kawasan mereka bertugas.

Abdullah berkata, majikan tidak boleh melarang sesiapa saja daripada mengundi pada hari pembuangan undi 29 November ini.

"Saya tidak fikir pada hari rakyat hendak mengundi pun dia (majikan) buat perangai tidak bagi.

"Majikan sudah tahu hari mengundi pada 29 haribulan dan sudah tentu mereka menjangka ramai yang hendak pergi mengundi," katanya.

Abdullah berkata, majikan sepatutnya menolong membuat persediaan bagi membolehkan rakyat membuang undi tanpa halangan.

"Majikan tidak harus melakukan sesuatu sehingga mereka (pekerja) susah sehingga kerja giliran yang tiada pun diadakan pada hari itu," katanya.

Sementara itu, Jawatankuasa Penyelaras Penerangan BN akan memohon kepada kerajaan supaya hari pembuangan undi pada 29 November depan, diisytihar sebagai cuti bagi membolehkan rakyat keluar mengundi dengan selesa.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata walaupun rakyat tidak menghadapi masalah untuk mendapat kebenaran keluar pada hari berkenaan, adalah lebih baik jika rakyat boleh memilih masa yang digemari mereka.

"Jawatankuasa ini fikir ada baik sekiranya hari mengundi yang jatuh pada Isnin diisytiharkan sebagai hari cuti. Ini adalah pendapat peribadi kami, tetapi ia masih terserah kepada budi bicara Dr Mahathir untuk membuat keputusan muktamad," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan, di ibu pejabat BN, di Pusat Dagangan

Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Katanya, BN saja mempunyai 4.5 juta ahli, dengan Umno mencatat angka 2.7 juta dan beliau menjangka lebih 90 peratus daripada jumlah ahli BN akan keluar mengundi kali ini.

Menjawab soalan lain, Mohd Khalil berkata jawatankuasa itu akan menyediakan bahan yang lengkap untuk semua penceramah BN bagi menangani semua isu yang ditimbulkan oleh pembangkang.

Katanya, BN sebagai parti pemerintah memang tidak akan mencetuskan sebarang isu, sebaliknya akan bertindak untuk menjawab semua isu lama dan baru yang sudah pasti akan ditimbulkan oleh parti lawan.

"Kita akan pasti semua penceramah kita di setiap kawasan mempunyai bahan yang mencukupi untuk menjawab semua isu dan fitnah yang dilemparkan pembangkang sepanjang kempen pilihan raya nanti," katanya.

(END)